

AYAT-AYAT AL-QURAN SEBAGAI TERAPI KERASUKAN JIN: ANALISIS DARI AYAT-AYAT RUQYAH SYAR'IYYAH

Sharifah Norshah Bani Syed Bidin

PENDAHULUAN

Perbahasan mengenai rawatan menggunakan al-Quran telah banyak dibincangkan oleh para sarjana Islam, sama ada melalui lisan atau penulisan. Seiring dengan itu, didapati kemunculan pusat-pusat perubatan menggunakan ayat-ayat al-Quran juga amat pesat. Menurut Ahmad Tirmizi Taha, di Mesir sahaja terdapat lebih dari 300,000 perawat secara rawatan al-Quran al-Karim dan laman web rawatan al-Quran al-Karim pula lebih dari 300 laman.¹

Di Malaysia, siaran televisyen swasta Astro Prima, saluran 105 telah mengambil inisiatif menayangkan program realiti 'Expose Mistik' yang memaparkan kesengsaraan para pesakit yang terkena sihir atau dalam istilah masyarakat Melayu, 'terkena buatan orang'. Program yang mendapat rating tontonan yang tinggi ini bermatlamat serampang dua mata iaitu memaparkan penderitaan pesakit yang terkena ilmu hitam dan dalam masa yang sama memperkenalkan pakar-pakar perubatan Islam yang boleh merawat masalah ini.² Selain itu, terdapat beberapa pusat rawatan Islam yang menggunakan laman sesawang untuk mengiklankan khidmat rawatan mereka.³ Terdapat juga pusat rawatan yang tidak menggunakan laman web, namun perkhidmatan mereka tersohor di kalangan masyarakat iaitu Pusat Perawatan Rabbani, di Teluk Ketapang, Kuala Terengganu⁴, Pusat Rawatan Darul Iliaaj di Johor Bharu⁵, Pusat Perubatan Seiring Syariat Islam di Kuala Lumpur, Pusat Perubatan Tradisional Kerohanian Islam di Ampang, Selangor, Pusat Rawatan Islam al-Mustaqim, di Kedah dan Pusat Rawatan Terapi al-Quran Darul Hikmah, di Kedah.⁶

¹ Ahmad Tirmizi Taha, "Rawatan Menggunakan al-Quran", kertas kerja Seminar Sehari Perubatan Islam, 07 Ogos 2009, Universiti Darul Iman Malaysia, Kuala Terengganu, h. 1.

² <http://syahrilkadir.wordpress.com/2008/08/22/alamat-expose-mistik>(30 April 2011). Syahril Kadir adalah wartawan yang membuat liputan untuk siri dokumentari Astro, termasuk program Expose Mistik.

³ <http://www.darussyifa.org>, www.primanara.blogspot.com, www.zamdurrani.dumei.com, www.darussalam.net.my, www.darulruqiyah.blogspot.com, www.darulmanzil.blogspot.com, www.taq.com.my.

⁴ Temubual pada 02 April 2011, di kediaman perawat di Teluk Ketapang, Kuala Terengganu.

⁵ <http://www.ceramahislam.com/perubatanislam.html>(30 April 2011)

⁶ <http://syahrilkadir.wordpress.com/2008/08/22/alamat-expose-mistik>(30 April 2011)

Karya-karya yang membincarkan tentang rawatan menggunakan al-Quran sama ada dalam versi Bahasa Arab atau Bahasa Melayu, juga mendapat sambutan hangat di kalangan masyarakat.⁷ Pusat Perubatan Islam Darussyifa' yang merupakan pusat perubatan Islam pertama di Malaysia pula, telah menempa sejarahnya apabila menandatangani perjanjian kerjasama dengan Cyberjaya University College of Medical Sciences(CUCMS) bagi menawarkan Diploma Pengubatan Islam buat kali pertamanya di Malaysia.⁸ Hal ini menunjukkan keperluan rawatan alternatif menggunakan ayat-ayat al-Quran, selain kaedah perubatan moden. Ia dapat membuktikan salah satu fungsi keistimewaan al-Quran yang dinyatakan oleh Allah s.w.t dalam Surah al-Isra': 82,

⁷ Setakat penemuan penulis, karya-karya yang dimaksudkan ialah *al-Mas al-Syaitani wa Turuq al- 'Ilaj* oleh Dr. Muhammad Ahmad al-Mubayyad, terbitan Muassasah al-Mukhtar, Kaherah, *Qahir al-Ashar wa Tasaddi li al-Saharah al-Asyrar*, oleh Sya'ban Ahmad Salih, terbitan Maktabah al-Safa, Kaherah, *al-Rahmah fi al-Tib wa al-Hikmah*, oleh Jalal al-Din 'Abd al-Rahman al-Suyuti, terbitan Dar al-Ra'id al-'Arabi, Beirut, *Fath al-Mughith fi al-Sihr wa al-Hasad wa Mass Iblis*, oleh Abu 'Ubaydah Mahir bin Salih Al-Mubarak & 'Abd Allah bin 'Abd al-Rahman al-Jabrin, terbitan Dar al-Ulum, Kaherah, *al-Marad wa al-Syifa'* fi al-Quran al-Karim, oleh Dr. Ahmad Husayn 'Ali Salim, terbitan Dar al-Ma'ani, Amman, *al-'Ilaj bi al-Quran li Ikhraj al-Jan*, oleh Mahmud Bayumi Haykal, terbitan Maktabah al-Hijaz, Madinah, *Mujizat al-Quran fi 'Ilaj Mass al-Jan wa al-Sihr wa al-Hasad wa al-Nazif wa al-Saratan*, oleh Hamdi al-Damrdasy Muhammad, terbitan Dar Wali al-Mansurah, *Tahzir al-Nas Ajma'in min Sihr Iblis wa Syayatin*, terbitan Maktabah al-Thaqafiyah, Beirut, *al-Syifa' Ba'd al-Marad*, oleh Ibrahim bin 'Abd Allah al-Hazimi, terbitan Dar al-Syarif, Riyad, *Fath al-Mannan fi 'Ilaj al-Sihr bi Ughdhiyah wa al-Hijamah wa al-Quran*, oleh 'Abd al-Rahman Mansur, terbitan Maktabah al-Sunnah, Kaherah, *al-Sihr wa Tahdir al-Arわh Bayn al-Bida' wa al-Haqaiq*, oleh Dr. al-Sayyid al-Jamili, terbitan Muhammad Usamah al-Karam, Beirut, *'Alam al-Ghayb wa Asraruhu*, oleh 'Abd al-Muiz Khattab, terbitan Dar al-I'tisam, *Rasa'il min 'Alam al-Jan*, oleh Ziyad 'Imran, terbitan Dar al-Isra', Amman, *'Alam al-Jin wa al-Syayatin*, oleh 'Umar Sulayman al-Asyqar, terbitan Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Amman, *Wiqayah al-Insan min al-Jin wa al-Syaitan*, oleh Wahid 'Abd Salam Bali, terbitan al-Basyir, Kaherah dan terjemahannya *Senjata Tajam Untuk Menangkis Sihir dan Ilmu Hitam* oleh Abu Abd Rahman al-Nairusy, terbitan Syarikat Nurulhas, Kuala Lumpur, *Ilmu Rawatan Rabbani*, oleh Abdullah bin Abu Bakar & Abas bin Muda terbitan Pustaka Salam, *Ikhtiar Penyembuhan Penyakit Dengan Ayat-ayat dan Doa Mustajab* oleh Dr.Haron Din, terbitan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia Darussyifa', Selangor, *Rawatan Pesakit Menurut al-Quran dan al-Sunnah*, oleh Dr.Haron Din & Dr.Amran Kasimin, terbitan Percetakan Watan, Kuala Lumpur, *Sihir Pengasih Dalam Masyarakat Melayu dan Rawatan Islam Terhadapnya*, oleh Haji Hanafi Rahman el-Fesfanji, terbitan Ululalbab Management Services, *Fatwa Jin dan Sihir* terjemahan oleh Mohd Yusof Arbain, terbitan Karya Bestari, Kuala Lumpur, *Rawatan Penyakit dan Tips Menjaga Kesihatan Menurut Rasulullah*, terjemahan oleh Abu Mazaya al-Hafiz, terbitan al-Hidayah Publication, *Dahsyatnya Tipu Muslihat Iblis*, terjemahan oleh Abu Abdullah Syukri, terbitan al-Hidayah Publication, dan *Terapi Ruqyah*, oleh Rohidzir Rais, terbitan PTS Islamika.

⁸ <http://www.darusyifa.org/>(24 April 2011)

وَنَزَّلْ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَرِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا

خَسَارًا

Maksudnya:

“Dan kami turunkan al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan al-Quran itu tidaklah menambahkan kepada orang-orang yang zalim selain kerugian”.

Dr. Wahbah al-Zuhayli dalam al-Tafsir al-Munir menyebut bahawa huruf jar ‘min’ dalam ayat di atas menunjukkan kepada makna sebahagian (*li al-tab’id*), iaitu sebahagian dari ayat al-Quran menjadi penawar, seperti Surah al-Fatiha dan ayat syifa’.⁹

BUKTI KEMUKJIZATAN AL-QURAN

Penggunaan pelbagai gaya bahasa dalam al-Quran dengan menonjolkan makna tunggal bagi sesuatu perkataan merupakan cabaran yang paling hebat bagi orang Arab kerana mereka tidak mampu mendatangkan seumpamanya walaupun satu surah, bahkan ia masih lagi menjadi cabaran buat sesiapa sahaja yang berusaha untuk mereka-reka al-Quran palsu, hingga ke hari ini. Istilah *i’jaz* atau *mu’jizat* tidak ada di zaman Rasulullah, sahabat dan tabi’in. Tetapi ia muncul dan diterima pakai oleh generasi kemudian. Ia dibuktikan dari ayat yang menjelaskan tentang mukjizat, tetapi tidak menggunakan istilah mukjizat sebaliknya menggunakan istilah ‘ayat’, antaranya yang disebut dalam surah al-Isra’: 59 & 101 dan surah al-Ankabut: 50-51. Menurut Fadl Hassan Abbas istilah *i’jaz* dan *mukjizat* tidak wujud sebelum kurun kedua hijrah, ia muncul di kalangan mutakallimin yang mempertahankan al-Quran al-Karim dan menolak segala kebatilan yang ditimbulkan oleh golongan mulhid, zindiq dan sesat. Penggunaannya adalah sebagai salah satu cara mempertahankan kesucian dan keunikan al-Quran dari segi bahasa¹⁰.

Kupasan yang dilakukan oleh sarjana Islam tentang mukjizat al-Quran sejak dahulu hingga sekarang adalah serupa, iaitu dinyatakan bahawa al-Quran merupakan kitab mukjizat pada segenap aspek yang diturunkan Allah padanya; hurufnya, kalimahnya, ayatnya, surahnya, *juzu’nya* dan semua yang terkandung dalam al-Quran. Bagaimana boleh dikatakan bahawa al-Quran itu merupakan mukjizat dan bagaimana boleh dibuktikan bahawa al-Quran

⁹ Wahbah al-Zuhayli, *al-Tafsir al-Munir fi al-‘Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*, juz. 15, Beirut: Dar al-Fikr, 1996, h. 141.

¹⁰ Fadl Hassan ‘Abbas dan Sana’ Fadl ‘Abbas, *I’jaz al-Quran al-Karim*, Dar al-Furqan, Jordan, 2006, h.27.

itu benar-benar mukjizat? Allah s.w.t telah membuat pengisytiharan dalam kitab suciNya ini akan kelemahan makhlukNya dari mendatangkan yang seumpama al-Quran. Bermula dengan cabaran Allah s.w.t kepada golongan musyrikin supaya mendatangkan satu surah seumpama al-Quran jika mereka ragu-ragu dengan kebenarannya dalam Surah al-Baqarah: 23, diikuti dengan Surah Yunus: 84, dan beberapa surah lain hingga akhirnya Allah s.w.t membuat pengisytiharan secara tuntas bahawa manusia dan jin tidak akan mampu selamanya untuk menandingi al-Quran dalam Surah al-Isra': 88, meskipun mereka itu saling bantu-membantu antara satu sama lain.

Bahkan, sejarah melakarkan kisah bahawa Saidina Umar al-Khattab yang pada mulanya merupakan individu yang paling terkehadapan dalam menentang Islam, akhirnya hatinya terpaut kepada Islam selepas terpegun dengan alunan ayat-ayat suci al-Quran dari Surah Taha, ayat 1-5 yang dibacakan oleh adiknya. Kisah ‘Utbah bin Rabi‘ah juga dapat memberikan gambaran yang jelas berhubung perkara ini. Pada suatu hari, ‘Utbah bin Rabi‘ah seorang ketua Quraisy telah pergi berjumpa Rasulullah s.a.w, bertujuan menawarkan beberapa tawaran istimewa kepada Baginda agar tidak meneruskan usaha dakwah kepada agama tauhid dan mencela patung-patung berhala sembahannya mereka. ‘Utbah mengemukakan tiga tawaran istimewa yang pada anggapannya kebiasaannya tiada siapa pun akan menolak. Tawaran-tawaran itu ialah, harta yang banyak hingga membolehkan Baginda s.a.w menjadi individu paling kaya di kalangan kaum Quraisy, pangkat yang tinggi hingga Baginda s.a.w dapat menjadi ketua di kalangan kaum Quraisy tanpa ada sebarang persaingan dan sekatan, dan rawatan yang paling bagus sekiranya Baginda s.a.w sakit.

Malangnya, kesemua tawaran itu tidak berupaya menembusi tembok keimanan Rasulullah s.a.w yang begitu utuh. Penolakan Baginda s.a.w terhadap tawaran-tawaran istimewa ini, menjadi titik permulaan bagi ‘Utbah merenung kembali dan berfikir bahawa perkara yang diajar oleh Baginda s.a.w itu sudah pasti lebih besar habuannya. Menyedari kehairanan ‘Utbah, Rasulullah mengambil peluang memperdengarkan bacaan al-Qur'an kepadanya mudah-mudahan ‘Utbah meninggalkan anutannya dan menerima agama Allah. Lalu Baginda bertanya kepada ‘Utbah: “Adakah kamu lapang wahai Abu al-Walid”? Jawab ‘Utbah: “Ya”. Lantas Baginda berkata: “Dengarkan apa yang ku baca ini”. Rasulullah membaca Surah al-Fussilat sehingga ayat ke 13 yang menceritakan tentang balasan yang diterima Kaum ‘Ad dan Thamud. Cerita ini cukup menimbulkan kegerunan di hati ‘Utbah hingga memaksa dia meletakkan tangan di mulut Rasulullah dan merayu Baginda supaya menghentikan bacaannya.

Mengapa terjadi sedemikian? Kaum ‘Ad dan Thamud merupakan dua kaum yang kuat dan mempunyai kuasa besar di zamannya. Hal ini dimaklumi oleh orang-orang Arab kerana kedua-dua kaum ini mendiami Semenanjung Tanah Arab dan mereka dapat melihat kesan kemusnahan dua kaum yang angkuh ini setiap masa dan ketika. Apabila Rasulullah SAW menyebut azab yang dahsyat iaitu mereka akan disambar petir sekiranya menolak agama tauhid sepetimana yang menimpa kaum ‘Ad dan Thamud yang begitu angkuh dan berdolak-dalik dalam menentang dakwah rasul-rasul mereka supaya meninggalkan syirik dan mengesakan Allah, maka cerita ini sudah cukup mencabut tangkai hati ‘Utbah apabila mengingatkan akibat yang menimpa kedua-dua umat yang kuat ini.

Keberkesanan kisah dalam memberi pengajaran kepada manusia dan menjadikan mereka akur dengan kebenaran dakwah Rasulullah s.a.w lebih terserlah apabila Baginda s.a.w mampu untuk menuturkan cerita-cerita umat terdahulu dan keabsahan cerita tersebut dapat dibuktikan dengan mata kepala mereka sendiri. Kebenaran ini jugalah yang menjadikan ‘Utbah bin Rabi‘ah mengakuinya ketika ditanya oleh kaumnya apabila dia pulang menemui mereka selepas itu. Kata kaumnya: “Apa cerita disebalik (pertemuuanmu dengan Rasulullah) wahai Abu al-Walid”? Jawab ‘Utbah: “Demi Allah sesungguhnya aku telah mendengar kata-kata yang belum pernah kudengar sebelum ini, demi Allah ia bukan syair, juga bukan ilmu tilik, wahai semua kaum Quraisy taatilah aku(pada perkara ini). Biarkanlah lelaki ini (Rasulullah s.a.w) dengan apa yang dibawanya, demi Allah sesungguhnya kata-kata yang kudengar darinya adalah berita, sekiranya ia menimpa orang Arab, ia sudah memadai jika tanpa kamu semua, sekiranya ia ditonjolkan di kalangan Arab maka kerajaannya adalah kerajaan kamu, kemuliaannya adalah kemuliaan kamu dan kamu adalah merupakan manusia yang paling bahagia dengannya”.

Inilah kebenaran yang diakui sendiri oleh ‘Utbah bin Rabi‘ah, sekalipun jiwnya penuh dengan keangkuhan; ketika diminta oleh kaumnya supaya membacakan satu ayat al-Qur'an yang boleh menyebabkan pendengarnya menjauhkan diri, katanya: “Apa lagi yang boleh ku perkatakan tentangnya? Demi Allah tiada seorang pun di kalangan kamu yang boleh mengatasi pengetahuanku tentang syair, demi Allah tiada sesuatu pun yang boleh menyamai dengannya(al-Quran), demi Allah kata-katanya begitu manis, mengandungi keelokhan, bahagian atasnya (seumpama pokok) yang lebat buahnya, bahagian bawahnya (seumpama air) yang banyak(dari segi manfaatnya), ia dapat menghancurkan sesuatu yang dibawahnya dan ia adalah yang tertinggi, tiada yang lebih tinggi darinya.”¹¹

¹¹ Isma‘il bin Kathir (1989), *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Ahmad Abu Mulhim et.al(tahqiq) Jil.2, j3, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.61-62.

Lebih daripada itu, keindahan dan keajaiban al-Quran bukan hanya mampu membuat manusia terpegun, bahkan golongan jin juga turut terkesan dengan keindahannya dan hal ini disebutkan oleh Allah s.w.t dalam Surah al-Jin, ayat 1 yang menyebut bahawa golongan jin mengakui akan kehebatan ayat-ayat suci al-Quran yang dapat memberi petunjuk ke jalan yang benar. Mereka juga mengisyiharkan bahawa orang yang mengithbaikan sesuatu yang tidak layak bagi Allah adalah orang yang bodoh serta melampaui batas. Kisah yang dipaparkan ini menunjukkan bahawa ayat-ayat al-Quran itu mempunyai satu daya tarikan kepada manusia dan jin, yang tidak mampu dijelaskan dengan kata-kata. Apa yang pasti, sesiapa yang mendengar al-Quran pasti akan terpegun dengan keindahan susun kata, cerita, gaya bahasa dan kalimah-kalimah yang digunakan. Hal inilah yang menjadi bukti bahawa al-Quran itu merupakan satu mukjizat. Tidak ada satu bidang yang dikaji oleh manusia, melainkan semuanya sudah tertera dalam al-Quran, cuma penemuan kajian tersebut dapat mengukuhkan lagi segala yang diberitahu oleh Allah s.w.t sejak lebih 1,400 tahun yang silam.

REALITI KERASUKAN JIN

Jin, iblis dan syaitan merupakan kelompok yang satu. Cuma, iblis dan syaitan merujuk kepada jin yang derhaka kepada Allah dan memusuhi manusia sejak zaman berzaman, sebagaimana yang disebutkan dalam Surah al-Kahfi: 50. Permusuhan di antara manusia dan jin bermula semenjak Allah s.w.t menciptakan Nabi Adam a.s. Ia dinyatakan di dalam beberapa ayat al-Quran. Sifat sebenar iblis yang merupakan salah satu dari spesies jin terserlah apabila Allah s.w.t memerintahkannya dan para malaikat supaya bersujud kepada Nabi Adam a.s sepertimana yang disebut dalam Surah al-Baqarah, ayat 34-39. Iblis laknatullah dengan lantang memprotes perintah tersebut atas alasan merasakan dirinya terlalu mulia lantaran diciptakan dari api, lantas tidak layak untuk bersujud kepada Adam yang hanya dijadikan dari tanah menurutnya.

Tidak cukup dengan protes itu, iblis juga telah mengeluarkan kata-kata seolah-olah ugutan kepada Allah s.w.t yang menampakkan dendam kesumat. Ayat 39 dari Surah al-Hijr menjelaskan hal ini, iaitu “Aku pasti menampakkan kepada mereka semua yang buruk itu baik dan aku juga pasti memperdayakan mereka(manusia) semua. Dalam Surah al-Isra’, ayat 62 jelas menampakkan keangkuhan iblis: “Ia berkata lagi: Khabarkan kepadaku, inikah orangnya yang Engkau muliakan mengatasiku? Jika Engkau beri tempoh kepadaku hingga hari kiamat, tentulah aku akan memancing dan menyesatkan zuriat keturunannya, kecuali sedikit (di antaranya)”.

Rentetan dari peristiwa ini, Allah s.w.t dengan panjang lebar memberi peringatan kepada manusia tentang iblis dan syaitan kerana fitnahnya yang terlalu hebat, kelicikan dan usaha berterusannya untuk menyesatkan manusia. Dalam Surah al-A`raf, ayat 27 Allah s.w.t mengingatkan:

يَبْنِي إِادَمَ لَا يَفْتَنَنَّكُمُ الْشَّيْطَنُ كَمَا أَخْرَجَ أَبْوَيْكُمْ مِّنَ الْجَنَّةِ يَنْزَعُ
عَنْهُمَا لِبَاسَهُمَا سَوْءَاهُمَا إِنَّهُ يَرَنُكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُ مِنْ حَيْثُ لَا
تَرَوْهُمْ إِنَّا جَعَلْنَا الْشَّيْطَنِ أَوْيَاءً لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢٧﴾

Maksudnya:

Hai anak Adam, janganlah sekali-kali kamu dapat ditipu oleh syaitan sebagaimana ia telah mengeluarkan kedua ibu bapamu dari surga, ia menanggalkan dari keduanya pakaiannya untuk memperlihatkan kepada keduanya ‘auratnya. Sesungguhnya ia dan pengikut-pengikutnya melihat kamu dan suatu tempat yang kamu tidak bisa melihat mereka. Sesungguhnya kami Telah menjadikan syaitan-syaitan itu pemimpin-pemimpin bagi orang-orang yang tidak beriman.

Manakala dalam Surah Fatir, ayat 6 pula Allah s.w.t berfirman:

إِنَّ الْشَّيْطَنَ لَكُمْ عَدُوٌ فَاتَّخِذُوهُ عَدُوًا إِنَّمَا يَدْعُوا حِزْبَهُ لِيَكُونُوا مِنْ
أَصْحَابِ الْأَسْعَيرِ ﴿٦﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh bagimu, Maka anggaplah ia musuh(mu), Karena Sesungguhnya syaitan-syaitan itu Hanya mengajak golongannya supaya mereka menjadi penghuni neraka yang menyala-nyala.

Permusuhan syaitan tidak akan berakhir begitu sahaja kerana ia menyedari bahawa ia dihalau dan dilaknat oleh Allah s.w.t serta dikeluarkan dari syurga adalah berpuncanya daripada Adam a.s. Oleh itu, ia mesti menuntut bela terhadap Adam a.s dan keturunannya. Cara yang paling mudah ialah dengan menggoda anak-anak Adam yang lemah imannya agar mereka terus jauh dari landasan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. Dari sinilah bermulanya pelbagai gangguan dan godaan iblis dan konco-konconya yang menjadikan golongan yang lemah iman dan kurang keyakinan terhadap Allah s.w.t sebagai kuda tunggangannya. Dalam Surah al-Jin, secara terang-terangan golongan jin mukmin menyatakan bahawa ada segolongan manusia yang

suka meminta bantuan dari jin kafir, sedang mereka tidak mengetahui bahawa jin kafir itu akan membawa mereka kepada kesesatan.

Benarlah ungkapan ini, apabila kita mendapatkan sebahagian manusia cuba menggunakan jin, iblis dan syaitan melalui pelbagai cara yang diistilahkan sebagai sihir, santau, guna-guna, tuju-tuju dan seumpamanya dalam mencapai sesuatu yang mereka hajati. Pesakit yang terkena gangguan ini akan mengalami tanda-tanda tertentu yang tidak dapat dikesan oleh perubatan moden. Tanda-tanda tersebut berbeza antara seorang individu dengan individu yang lain, tertakluk kepada sihir atau gangguan yang dialaminya. Walau bagaimanapun, terdapat tanda-tanda umum yang dialami oleh individu yang mengalami gangguan jin¹², iaitu:

1. Tanda-tanda Semasa Tidur

- a. Tidak dapat tidur kecuali setelah mengambil masa yang panjang. Biasanya dapat tidur di penghujung malam.
- b. Banyak berjaga ketika tidur.
- c. Selalu melihat dalam tidur sesuatu yang menekan dada dan tidak berupaya mendapat pertolongan atau diistilahkan sebagai ‘ditindih hantu’ dalam masyarakat Melayu.
- d. Melihat suatu yang menakutkan atau seolah-olah terjatuh dari tempat yang tinggi, atau melihat dirinya berada dalam kubur, tempat buangan sampah dalam mimpi.
- e. Melihat binatang dalam mimpi seperti kucing, anjing, unta, ular, singa, serigala, tikus, dan lain-lain.
- f. Kacip gigi, mengeluh, ketawa, menangis, atau meraung dalam tidur.
- g. Bangun dan berjalan semasa tidur tanpa disedari.
- h. Melihat orang yang berbentuk luar biasa seperti melihat orang yang terlalu tinggi, rendah atau melihat orang hitam.

2. Tanda-tanda Semasa Jaga

- a. Sakit kepala yang berpanjangan yang bukan berpunca dari sakit mata, atau dua telinga, hidung, kerongkong atau perut.
- b. Terhalang dari berzikir atau bersolat.
- c. Hilang tumpuan fikiran.
- d. Menyepikan diri dan menjadi malas.
- e. Hilang ingatan atau gementar anggota.

¹² Abdullah Abu Bakar & Abas Muda, *Ilmu Rawatan Rabbani*, Pustaka Salam: Kuala Lumpur, 2006,h.35.

- f. Rasa sakit-sakit salah satu anggota badan yang tidak dapat dikesan oleh perubatan moden.
- g. Berlaku perubahan pada diri pesakit yang tidak disedarinya tetapi dapat dikesan oleh mereka yang berdampingan dengannya seperti ibu bapa, suami, kawan-kawan dan lain-lain.
- h. Selalu mengelakkan diri dari dirawat.

Gangguan jin ini terbahagi kepada empat bahagian, iaitu gangguan menyeluruh ke atas seluruh jasad mangsa hingga beliau dapat merasa getaran dan kocakan yang kuat, gangguan sebahagian anggota mangsa seperti tangan, tengkuk, kepala, pinggang dan lain-lain. Kebiasaannya pesakit akan mengadu sakit di bahagian tersebut, gangguan berterusan pula ialah mangsa merasakan ada objek yang bergerak dan berpindah dari satu bahagian ke satu bahagian dalam jasadnya, dan gangguan berkala seperti hysteria, pengsan dan lain-lain.¹³

Di dalam al-Quran, kalimah jin disebut sebanyak tiga puluh lapan kali(38), dengan merujuk kepada situasi yang berbeza, sama ada untuk menjelaskan tentang kejahatan golongan ini dan balasan yang akan ditimpakan ke atas mereka, atau kehebatan dan kekuatan yang dikurniakan Allah kepada mereka sepetimana dalam kisah Nabi Sulaiman. Kalimah *al-Jan* disebut sebanyak tujuh (7) kali iaitu dalam surah-surah al-Hijr: 27, al-Naml: 10, al-Qasas: 31 dan al-Rahman: 15, 39, 56, 74. Kalimah *al-jin* sebanyak dua puluh satu (21) kali, iaitu dalam surah-surah al-An`am: 100, 112, 128, al-A`raf: 38,179, al-Isra': 88, al-Kahfi: 50, al-Naml:17, 39, Saba': 12, 14, 41, Fussilat: 25, 29, al-Ahqaf: 18, 29, 56, al-Rahman: 33, al-Jin: 1, 5, 6. Manakala yang menggunakan sebutan *Jinnah* adalah sebanyak sepuluh kali (10), iaitu dalam surah-surah al-A`raf: 184, Hud: 119, al-Mukminun: 25, 70, al-Sajadah: 13, Saba':8, 46, al-Saffat: 158 (2 kali) dan al-Nas: 6.

Persoalannya, bagaimana golongan jin ini boleh terkesan dengan bacaan al-Quran dan apakah bacaan al-Quran semata-mata boleh mempengaruhi mereka, terutama jin yang derhaka dan menyebabkan kerasukan kepada manusia. Apakah jin lebih mudah menerima dakwah berbanding manusia? Allah s.w.t menyuruh manusia berdoa dan menyerahkan diri hanya kepadaNya dalam apa jua keadaan, bahkan memasukkan doa sebagai salah satu cara beribadah kepadaNya. Doa-doa yang dibaca sama ada dari ayat-ayat al-Quran atau hadis Rasulullah s.a.w merupakan salah satu cara ikhtiar dalam penyembuhan penyakit sama ada akibat gangguan jin, iblis dan syaitan atau kerana penyakit fizikal.

¹³ Ibid, h. 32.

KATEGORI AYAT-AYAT RUQYAH

Jika dianalisis ayat-ayat al-Quran yang biasa dibaca dalam mengatasi gangguan kerasukan jin, ia terbahagi kepada empat (4) kategori, iaitu ayat yang memperihalkan kebesaran Allah dan keagungannya, ayat yang memperihalkan Nabi Musa dan tukang sihir, ayat yang memperihalkan tentang balasan Allah bagi golongan durhaka(ayat *indhar*) dan ayat-ayat pelindung. Ayat-ayat yang dinukilkan di ruangan ini juga termasuk ayat-ayat yang dikenali sebagai ayat *manzil*. Keterangannya diringkaskan sebagaimana berikut:

1. Kebesaran dan Keagungan Allah

Surah/Ayat
1.1 Surah al-Baqarah: 255 ¹⁴
Analisis
<p>□ Ayat 255, Surah al-Baqarah ini juga dikenali sebagai Ayat Kursi. Secara ringkas ia menceritakan tentang pengakuan bahawa tidak ada Tuhan selain Allah yang memiliki arasy, maha berkuasa atas segala makhluk. Dari Rabi`ah al-Jarasyi r.a berkata: Rasulullah ditanya tentang manakah bahagian(surah) dalam al-Quran itu yang paling afdhal? Sabda Baginda: Iaitu surah yang disebut padanya cerita tentang lembu. Baginda ditanya lagi: Manakah ayat yang paling afdhal dalam Surah al-Baqarah? Jawab Baginda: Ayat Kursi.¹⁵</p>

Surah/Ayat
<p>1.2 Surah al-Baqarah: 257</p> <p style="text-align: center;"> اللَّهُ وَلِيُ الَّذِينَ امْتَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلَئِكُمُ الظَّاغِنُونَ يُخْرِجُونَهُم مِّنَ النُّورِ إِلَى الظُّلْمَاتِ أُولَئِكَ أَصْحَابُ  الْنَّارِ هُمْ فِيهَا خَلِدُونَ </p>

¹⁴ Nasnya tidak dinyatakan di ruangan ini kerana ia telah masyhur.

¹⁵ Ibrahim `Ali al-Sayyid `Ali `Isa, al-Ahadith wa al-Athar al-Waridah fi Fadail Suwar al-Quran al-Karim: Dirasah wa Naqd, Dar al-Salam, Kaherah, h.172.

1.3 Surah al-Baqarah: 284-286

إِلَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبْدُوا مَا فِي أَنفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ
 يُحَاسِبُكُمْ بِهِ اللَّهُ فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ
 ئَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّهُمْ آمَنُوا بِاللَّهِ وَمَلِئَتِكُمْ
 وَكُنْتُمْ وَرُسُلِهِ لَا تُفْرِقُ يَرَبَّكَ أَحَدٌ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفرانَكَ
 رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا
 مَا أَكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذنَا إِنْ دَسِيَّنَا أَوْ أَخْطَلَنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا عَلَيْنَا إِصْرًا
 كَمَا حَمَلْنَا عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ
 عَنَّا وَاغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

1.4 Surah al-Ikhlas: 1-4

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوَلَّدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً
 أَحَدٌ ﴿٤﴾

1.5 Surah al-Fatiyah: 1-7

Analisis

- ❑ Kesemua ayat ini menceritakan tentang kebesaran Allah s.w.t, keluasan ilmu dan kerajaan-Nya serta tiada sesuatu pun yang bersekutu dengan-Nya. Penyerahan dan ‘ubudiyyah yang tidak berbelah bahagi hanya kepada Allah. Allah s.w.t yang memiliki dan mengetahui segala sesuatu, maka Dia berhak menentukan pengampunan, azab, bahagia atau sengsara dari kalangan makhluk-Nya.
- ❑ Kelebihan ayat 285-286 Surah al-Baqarah dalam menghalau jin/syaitan/iblis dinyatakan sendiri oleh jin dalam riwayat yang masyhur mengenai Muaz bin Jabal menangkap syaitan. Dari Abu Aswad al-Du’ali katanya: Beritahu kepadaku cerita syaitan ketika engkau menangkapnya. Kata Mu'aaz:

Rasulullah telah melantik aku untuk menjaga sedekah/zakat kaum muslimin, aku pun meletak tamar dalam satu bilik. Tiba-tiba aku dapati tamar itu berkurangan, lalu aku memberitahu Rasulullah s.a.w tentang perkara itu. Sabda Baginda: Ini adalah syaitan yang telah mengambilnya. Aku pun memasuki bilik itu dan menutup kepalaiku dengan kain. Ku dapati syaitan sedang memakan buah tamar. Aku pun menerkam, menangkap dan memautnya dengan tanganku. Kataku: wahai musuh Allah. Jawab syaitan: pergi dariku kerana aku sudah tua, banyak anak serta fakir. Aku keturunan nasibin. Kampung ini dulunya sebelum tuan kamu dibangkit menjadi Rasul adalah kepunyaan kami. Selepas itu kami dikeluarkan dari kampung ini. Oleh itu, pergilah engkau dariku dan aku tidak akan balik kepada engkau lagi. Aku membiarkannya pergi. Jibril datang kepada Nabi dan menceritakan peristiwa ini. Baginda pun bersolat dan menyuruh orang memanggil Muaz. Sabda Baginda: apakah yang dilakukan kepada tawanan engkau? Muaz pun menceritakan kepada Baginda peristiwa tersebut. Sabda Baginda: Awas, sesungguhnya ia akan kembali semula. Muaz masuk semula ke dalam bilik itu dan menutup pintunya. Syaitan datang lagi dan memasuki bilik itu melalui lubang yang ditiupnya, lalu memakan buah tamar. Muaz pun melakukan kepadanya sebagaimana dahulu. Kata syaitan: pergi dariku. Kata Muaz: wahai musuh Allah! Engkau berkata bahawa engkau tidak akan datang kembali. Kata syaitan: Sesungguhnya aku tidak akan kembali apabila seseorang itu membaca ayat akhir Surah al-Baqarah, ayat 285 dan 286.

- ❑ Dalam satu hadis dari Abu Hurairah r.a. berkata: Bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: Jangan kamu jadikan rumahmu seumpama kubur. Sesungguhnya syaitan akan lari dari rumah yang dibacakan di dalamnya surah al-Baqarah.¹⁶

2. Kisah Nabi Musa dan Tukang Sihir/Kisah Nabi Ibrahim dan Namruz

Surah/Ayat
2.1 Yunus: 80-81 <p>فَلَمَّا جَاءَ الْسَّحَرَةُ قَالَ لَهُمْ مُوسَىٰ أَلْقُوا مَا أَنْتُمْ مُلْكُورَكَ ﴿٨٠﴾ فَلَمَّا أَلْقَوْا قَالَ مُوسَىٰ مَا جِئْتُمْ بِهِ السَّحْرُ إِنَّ اللَّهَ سَيُبْطِلُهُ إِنَّ اللَّهَ لَا يُصْلِحُ عَمَلَ الْمُفْسِدِينَ</p>
2.2 al-A'raf: 117-121 <p>وَأَوْحَيْنَا إِلَيْ مُوسَىٰ أَنَّ الْقِعَدَاتِ كَفَإِذَا هِيَ تَلْقَفُ مَا يَأْفِكُونَ ﴿١١٧﴾ فَوَقَعَ الْحُكْمُ وَبَطَّلَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١١٨﴾ فَغَلُُّبُوا هُنَالِكَ وَأَنْقَلُّبُوا صَغِيرِينَ ﴿١١٩﴾ وَأَلْقَى السَّحَرُ سَنِيدِينَ ﴿١٢٠﴾ قَالُوا إِنَّا بِرَبِّ الْعَالَمِينَ</p>
2.3 Taha: 67-70 <p>فَأَوْجَسَ فِي نَفْسِهِ خِيفَةً مُوسَىٰ ﴿٦٧﴾ قُلْنَا لَا تَخْفِ إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعْلَى ﴿٦٨﴾ وَالْقِ مَا فِي يَمِينِكَ تَلْقَفُ مَا صَنَعْتُمْ إِنَّمَا صَنَعُوكُمْ كَيْدُ سَاحِرٍ وَلَا يُفْلِحُ الْسَّاحِرُ حَيْثُ أَنْتُ ﴿٦٩﴾ فَأَلْقَى السَّحَرُ سُجْدًا قَالُوا إِنَّا بِرَبِّ هَرُونَ وَمُوسَىٰ</p>
2.4 Al-Anbiya': 70 <p>وَأَرَادُوا بِهِ كَيْدًا فَجَعَلْنَاهُمُ الْأَخْسَرِينَ ﴿٧٠﴾</p>
Analisis
<p>□ Ayat-ayat ini adalah berkaitan kisah-kisah kehancuran sihir yang dilakukan oleh tukang sihir Firaun dalam berhadapan dengan Nabi Musa dan tewasnya Namruz dan pengikutnya dalam menghadapi Nabi Ibrahim a.s. Jika diteliti kisah ini, didapati dalam menghadapi Nabi Musa, Firaun dengan angkuhnya telah memerintahkan supaya didatangkan tukang-tukang sihir yang ulung bagi membuktikan kehandalan mereka melawan Nabi Musa a.s. Sebagai membantalkan segala keangkuhan Firaun, Allah s.w.t menjelaskan bahawa Dia akan menggagalkan segala kejahanatan golongan yang suka membuat kerosakan di muka bumi. Manakala golongan yang menentang Nabi Ibrahim pula, dijadikan Allah sebagai golongan yang</p>

¹⁶ Ibrahim 'Ali al-Sayyid 'Ali 'Isa, al-Ahadith al-Waridah fi Fada'il Suwar al-Quran al-Karim, h. 175.

rugi dan menemui jalan buntu dalam usaha mereka. Keunggulan tukang sihir di zaman Firaun dan kejahatan Namruz merupakan suatu kisah yang dapat dijadikan iktibar bahawa tidak ada suatu kuasa yang paling hebat di dunia ini yang mampu menandingi kekuasaan dan ketentuan Allah s.w.t. Buktinya, meskipun unggulnya tukang sihir Firaun dan hebatnya Namruz namun segala usaha mereka menemui kegagalan apabila berhadapan dengan kekuasaan Allah s.w.t. Oleh kerana al-Quran itu diturunkan sebagai rahmat kepada sekalian alam, maka segala yang termaktub di dalamnya sudah pasti dapat memberi kesan kepada sekalian alam termasuklah golongan jin. Justeru, kisah ini boleh menjadi indhar kepada jin-jin upahan manusia yang zalim, bahawa usaha jahat mereka juga akan digagalkan oleh Allah s.w.t, sebagaimana halnya yang berlaku dalam kisah Nabi Musa dan Nabi Ibrahim a.s.

3. Ayat indhar dan ayat azab/ayat ru‘b

Surah/Ayat	
3.1 Al-Furqan: 32	وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْءَانُ حُكْمًا وَحِدًّا كَذَلِكَ لِتُنَبَّهَ بِهِ فُؤَادُكُمْ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا ﴿٣٢﴾
3.2 Al-Nur: 39	وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَلُهُمْ كَسَرَابٌ بِقِيعَةٍ تَحْسِبُهُ الظَّمَآنُ مَاءً حَتَّىٰ إِذَا جَاءَهُمْ لَمْ يَنْجُدُهُ شَيْئًا وَوَجَدُ اللَّهَ عِنْدَهُمْ فَوَفَّهُ حِسَابًا وَاللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٣٩﴾
3.3 Al-Isra': 81	وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَطْلُ إِنَّ الْبَطْلَ كَانَ رَهْوًا ﴿٨١﴾
3.4 Fussilat: 42	لَا يَأْتِيهِ الْبَطْلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ تَنْزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴿٤٢﴾
3.5 Fatir: 10	مَنْ كَانَ يُرِيدُ آزِفَةً فَلَلَّهُ آزِفَةٌ حَمِيعًا إِلَيْهِ يَصْعُدُ الْكَلْمُ الْطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الْصَّالِحُ يَرَفَعُهُ وَالَّذِينَ يَمْكُرُونَ أَسَيَّاتٍ هُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَكْرُ أُولَئِكَ هُوَ يَبُورُ ﴿١٠﴾

3.6 Al-Anbiya': 18

بَلْ تَقْذِفُ بِالْحَقِّ عَلَى الْبَطْلِ فَيَدْمَغُهُرَ فَإِذَا هُوَ رَاهِقٌ وَلَكُمُ الْوَيْلُ مِمَّا تَصِفُونَ

3.7 Al-A'raf: 18

قَالَ آخْرُجْ مِنْهَا مَذْءُومًا مَذْهُورًا لَمَنْ تَعْلَمَ مِنْهُمْ لَامْلَأَنَ جَهَنَّمَ مِنْكُمْ أَجْمَعِينَ

3.8 Al-Kahfi: 98

قَالَ هَذَا رَحْمَةٌ مِنْ رَبِّي فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءً وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا

3.9 Al-Ma'idah: 72-76

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَاتَلُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَسِيحُ ابْنُ مَرِيمٍ وَقَالَ الْمَسِيحُ يَبْيَهِ
إِسْرَائِيلَ أَعْبُدُوا اللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمْ إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكُ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ
وَمَا وَهُنَّ بِالنَّارِ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ ﴿٧٣﴾ لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَاتَلُوا إِنَّ اللَّهَ
ثَالِثُ ثَلَاثَةٍ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا إِلَهٌ وَاحِدٌ وَإِنْ لَمْ يَنْتَهُوا عَمَّا يَقُولُونَ لَيَمْسَنَ
الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٧٤﴾ أَفَلَا يَتُوبُونَ إِلَى اللَّهِ وَسَتَغْفِرُونَهُ
وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٧٥﴾ مَا الْمَسِيحُ ابْنُ مَرِيمٍ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ
الرُّسُلُ وَأُمُّهُ صَدِيقَةٌ كَانَا يَأْكُلُانِ الْطَّعَامَ أَنْظُرْ كَيْفَ نُبَيِّنُ لَهُمْ
الْآيَتِ ثُمَّ أَنْظُرْ أَنْ يُؤْفَكُوكَ ﴿٧٦﴾ قُلْ أَتَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا
يَمْلِكُ لَكُمْ صَرَرًا وَلَا نَفْعًا وَاللَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٧٧﴾

3.10 Al-Nisa': 166-169

لَكِنِ اللَّهُ يَشَهِّدُ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ أَنْزَلَهُ بِعِلْمِهِ وَالْمَتِّكَةُ يَشَهِّدُونَ وَكَفَى بِاللَّهِ
شَهِيدًا ﴿١٦٦﴾ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَصَدُّوا عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ قَدْ ضَلَّوْا ضَلَالًا بَعِيدًا ﴿١٦٧﴾ إِنَّ
الَّذِينَ كَفَرُوا وَظَلَمُوا لَمْ يَكُنْ اللَّهُ لِيغْفِرَ لَهُمْ وَلَا لِيَهْدِيهِمْ طَرِيقًا ﴿١٦٨﴾ إِلَّا طَرِيقَ
جَهَنَّمَ خَلِدِينَ فِيهَا أَبَدًا وَكَانَ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا ﴿١٦٩﴾

3.11 Al-Ma''idah:33-37

إِنَّمَا حَرَّأُوا الَّذِينَ سُخْنَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولُهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقْتَلُوا أَوْ يُصْلَبُوا أَوْ تُقطَعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ خَلْفٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ خَرْيٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٣٣﴾ إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ قَبْلِ أَنْ تَقْدِرُوا عَلَيْهِمْ فَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٤﴾ يَنَّاهُمُ الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْقَوْا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَهَدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣٥﴾ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْا نَأْنَأَ لَهُمْ مَا فِي الْأَرْضِ حَمِيعًا وَمِثْلُهُ مَعَهُ لِيَفْتَدُوا بِهِ مِنْ عَذَابٍ يَوْمَ الْقِيَمَةِ مَا تُقْبَلُ مِنْهُمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٣٦﴾ يُرِيدُونَ أَنْ يَخْرُجُوا مِنَ النَّارِ وَمَا هُمْ بِخَرِيجِينَ مِنْهَا وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّقِيمٌ ﴿٣٧﴾

3.12 Al-Saffat: 1-10

وَالصَّافَتِ صَفَّا ﴿١﴾ فَالَّذِي جَرَاتِ زَجْرًا ﴿٢﴾ فَالَّتَّلَيْتِ ذَكْرًا ﴿٣﴾ إِنَّ إِلَهَكُمْ لَوْا حَدًّا ﴿٤﴾ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَرَبُّ الْمَشَرِقِ وَالْمَشَرِقِ ﴿٥﴾ إِنَّا زَيَّنَاهُ السَّمَاءَ الْأَدْنِيَا بِزِينَةِ الْكَوَاكِبِ ﴿٦﴾ وَحَفَظَاهُ مِنْ كُلِّ شَيْطَنٍ مَّارِدٍ ﴿٧﴾ لَا يَسْمَعُونَ إِلَى الْمَلِإِ الْأَعْلَى وَيُقْدَفُونَ مِنْ كُلِّ جَانِبٍ ﴿٨﴾ دُحُورًا وَلَهُمْ عَذَابٌ وَاصِبٌ ﴿٩﴾ إِلَّا مَنْ حَطَّفَ الْحَظْفَةَ فَاتَّبَعَهُ شَهَابٌ ثَاقِبٌ ﴿١٠﴾

3.13 Al-Hijr:16-18

وَلَقَدْ جَعَلْنَا فِي السَّمَاءِ بُرُوجًا وَرَبَّنَاهَا لِلنَّنْظَرِينَ ﴿١٦﴾ وَحَفَظْنَاهَا مِنْ كُلِّ شَيْطَنٍ رَّجِيمٍ ﴿١٧﴾ إِلَّا مَنِ اسْتَرَقَ السَّمَعَ فَاتَّبَعَهُ شَهَابٌ مُّبِينٌ ﴿١٨﴾

3.14 Al-Anfal:9-14

إِذْ تَسْتَغْشِيُونَ رَبّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمْدُوكُمْ بِالْفِي مِنَ الْمَلَائِكَةِ
مُرْدِفِينَ ﴿١﴾ وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشَرَىٰ وَلِتَطْمِئِنَّ بِهِ قُلُوبُكُمْ وَمَا النَّصْرُ إِلَّا
مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢﴾ إِذْ يُعَشِّيُكُمُ الْنُّعَاسَ أَمْنَةً مِنْهُ وَيُنَزِّلُ
عَلَيْكُم مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لَيُظَهِّرُكُمْ بِهِ وَيُذَهِّبَ عَنْكُمْ رِجَزُ الْشَّيْطَنِ وَلَيُرِيظَ
عَلَىٰ قُلُوبِكُمْ وَيُثَبِّتَ بِهِ الْأَقْدَامَ ﴿٣﴾ إِذْ يُوحِي رَبُّكَ إِلَيْكُمْ أَنِّي مَعَكُمْ
فَنَتَبِعُوا الَّذِينَ ءَامَنُوا سَالِقِي فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا أَلْرُعَبَ فَاضْرِبُوْا فَوْقَ
الْأَعْنَاقِ وَاضْرِبُوْا مِنْهُمْ كُلَّ بَنَانٍ ﴿٤﴾ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ شَاقُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَمَنْ
يُشَاقِقِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٥﴾ ذَلِكُمْ فَدُوقُوهُ وَأَنَّ
لِلْكَفَرِينَ عَذَابُ النَّارِ ﴿٦﴾

3.15 Al-Dukhan: 43-50

إِنَّ شَجَرَتَ الرَّزْقُومَ ﴿١﴾ طَعَامُ الْأَثَيْمِ ﴿٢﴾ كَالْمُهَلِّ يَغْلِي فِي الْبُطُونِ
كَغَلِ الْحَمِيمِ ﴿٣﴾ خُدُوْهُ فَاعْتَلُوهُ إِلَى سَوَاءِ الْجَحِيمِ ﴿٤﴾ ثُمَّ صُبُّوْا فَوْقَ رَأْسِهِ
مِنْ عَذَابِ الْحَمِيمِ ﴿٥﴾ ذُقْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْكَرِيمُ ﴿٦﴾ إِنَّ هَذَا مَا كُنْتُمْ
بِهِ تَمْرُونَ ﴿٧﴾

3.16 Al-Jathiyah:7-11

وَيَلْ لِكُلِّ أَفَاكِ أَثِيمٍ ﴿١﴾ يَسْمَعُ إِيَّاَنِي اللَّهُ تُنَلِّي عَلَيْهِ ثُمَّ يُصْرُ مُسْتَكِيرًا كَانَ لَمَّا
يَسْمَعَهَا فَبَيْنَهُ بِعَذَابِ الْيَمِّ ﴿٢﴾ وَإِذَا عَلِمَ مِنْ إِيَّاَنِي شَيْئًا أَخْنَدَهَا هُرُواً
أُولَئِكَ هُمْ عَذَابُ مُهِينٍ ﴿٣﴾ مِنْ وَرَائِهِمْ جَهَنَّمُ وَلَا يُغْنِي عَنْهُمْ مَا كَسَبُوا شَيْئًا
وَلَا مَا أَخْنَدُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ أَوْلَيَاءٌ وَلَمْ يَعْذَابُ عَظِيمٌ ﴿٤﴾ هَذَا هُدَىٰ وَالَّذِينَ
كَفَرُوا بِإِيَّاَنِي رَبِّهِمْ هُمْ عَذَابٌ مِنْ رِجْزِ الْيَمِّ ﴿٥﴾

3.17 Al-Ahqaf: 29-34

وَإِذْ صَرَفْنَا إِلَيْكَ نَفَرًا مِنَ الْجِنِّ يَسْتَعْمُونَ الْفَرَاءَ إِنَّ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوا أَنْصِتُوْا فَلَمَّا قُضِيَ وَلَوْا إِلَى قَوْمِهِمْ مُنْذِرِينَ ﴿٢٩﴾ قَالُوا يَقُولُونَا إِنَّا سَمِعْنَا كِتَابًا أَنْزَلْنَا مِنْ بَعْدِ مُوسَى مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ يَهْدِي إِلَى الْحَقِّ وَإِلَى طَرِيقٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٣٠﴾ يَقُولُونَا أَجِبُّوْا دَاعِيَ اللَّهِ وَإِمْنُوا بِهِ يَغْفِرُ لَكُمْ مِنْ ذُنُوبِكُمْ وَخُجُّرُكُمْ مِنْ عَذَابِ الْيَمِّ ﴿٣١﴾ وَمَنْ لَا يُحِبُّ دَاعِيَ اللَّهِ فَلَيْسَ بِمُعْجِزٍ فِي الْأَرْضِ وَلَيْسَ لَهُ مِنْ ذُونَهِ أُولَئِكَ فِي ضَلَالٍ مُبِينٍ ﴿٣٢﴾ أَوْلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَمْ يَعِي بِخَلْقِهِنَّ بِقَدِيرٍ عَلَى أَنْ تُحْجِيَ الْمُوْتَى بَلَى إِنَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٣﴾ وَيَوْمَ يُعرَضُ الَّذِينَ كَفَرُوا عَلَى النَّارِ أَلَيْسَ هَذَا بِالْحَقِّ قَالُوا بَلَى وَرَبِّنَا قَالَ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٣٤﴾

3.18 Al-Rahman: 32-44

فَبِأَيِّ إِلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٣٢﴾ يَمْعَشُرَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ إِنْ آسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَنْفُذُوا مِنْ أَقْطَارِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ فَانْفُذُوا لَا تَنْفُذُونَ إِلَّا بِسُلْطَنٍ ﴿٣٣﴾ فَبِأَيِّ إِلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٣٤﴾ يُرْسَلُ عَلَيْكُمَا شُواظٌ مِنْ نَارٍ وَخَاسٌ فَلَا تَنْتَصِرَانِ ﴿٣٥﴾ فَبِأَيِّ إِلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٣٦﴾ فَإِذَا أَنْشَقَتِ السَّمَاءُ فَكَانَتْ وَرَدَةً كَالْدِهَانِ ﴿٣٧﴾ فَبِأَيِّ إِلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٣٨﴾ فَيَوْمَيْدِ لَا يُسْعَلُ عَنْ ذُنُبِهِ إِنْسٌ وَلَا حَاجٌ ﴿٣٩﴾ فَبِأَيِّ إِلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٤٠﴾ يُعْرَفُ الْمُجْرِمُونَ بِسِيمَهُمْ فَيُؤْخَذُ بِالنَّوَاصِي وَالْأَقْدَامِ ﴿٤١﴾ فَبِأَيِّ إِلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٤٢﴾ هَذِهِ جَهَنَّمُ الَّتِي يُكَذِّبُ بِهَا الْمُجْرِمُونَ ﴿٤٣﴾ يَطُوفُونَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ حَمِيمٍ إِنِّي

3.19 Al-Haqqah: 25-37

وَأَمَّا مَنْ أُوقِيَ كِتَبَهُ وَبِشَمَا لِهِ فَيَقُولُ يَلِيَّتِي لَمْ أُوتَ كِتَبَهُ ﴿٢﴾ وَلَمْ أَدْرِ مَا حِسَابِهِ ﴿٣﴾ يَلِيَّتِهَا كَانَتِ الْفَاضِيَّةَ ﴿٤﴾ مَا أَغْنَى عَنِ مَالِيهِ ﴿٥﴾ هَلْكَ عَنِ
سُلْطَنِيَّهُ ﴿٦﴾ خُدُودُ فَغُلُوْهُ ﴿٧﴾ ثُمَّ الْجَحِيْمَ صَلُوهُ ﴿٨﴾ ثُمَّ فِي سِلْسَلَةِ ذَرَعَهَا
سَبَعُونَ ذَرَاعًا فَاسْلُكُوهُ ﴿٩﴾ إِنَّهُ كَانَ لَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ الْعَظِيْمِ ﴿١٠﴾ وَلَا سَخْضُ عَلَىَّ
طَعَامِ الْمِسْكِينِ ﴿١١﴾ فَلَيْسَ لَهُ الْيَوْمَ هَذِهَا حَمِيمٌ ﴿١٢﴾ وَلَا طَعَامٌ إِلَّا مِنْ غِسْلِينِ
لَا يَعْلَمُهُ إِلَّا أَخْنَطُهُونَ ﴿١٣﴾

3.20 Al-Buruj: 1-22

وَالسَّمَاءُ ذَاتُ الْبُرُوجِ ﴿١﴾ وَالْيَوْمُ الْمَوْعِدُ ﴿٢﴾ وَشَاهِيْرٌ وَمَشْهُودٌ ﴿٣﴾ قُتِلَ أَصْحَابُ
الْأَخْدُودِ ﴿٤﴾ النَّارُ ذَاتُ الْوَقْدَوْدِ ﴿٥﴾ إِذْ هُمْ عَلَيْهَا قُعُودٌ ﴿٦﴾ وَهُمْ عَلَىٰ مَا يَفْعَلُونَ
بِالْمُؤْمِنِينَ شُهُودٌ ﴿٧﴾ وَمَا نَقَمُوا مِنْهُمْ إِلَّا أَنْ يُؤْمِنُوا بِاللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ
الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ﴿٨﴾ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٩﴾ إِنَّ
الَّذِينَ فَتَنُوا الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا فَلَهُمْ عَذَابٌ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ
عَذَابٌ أَحْرِيقٌ ﴿١٠﴾ إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ جَنَّتُ تَجْرِي مِنْ
تَحْتِهَا الْأَهْمَرُ ذَلِكَ الْفَوْرُ الْكَبِيرُ ﴿١١﴾ إِنَّ بَطْشَ رَبِّكَ لَشَدِيدٌ ﴿١٢﴾ إِنَّهُ هُوَ يُبَدِّئُ
وَيُعِيدُ ﴿١٣﴾ وَهُوَ الْغَفُورُ الْأَلَوْدُوْدُ ﴿١٤﴾ ذُو الْعَرْشِ الْمَحِيدُ ﴿١٥﴾ فَعَالٌ لِمَا يُرِيدُ
هَلْ أَتَنَكَ حَدِيثُ الْجُنُودِ ﴿١٦﴾ فَرْعَوْنَ وَثَمُودَ ﴿١٧﴾ بَلِ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي تَكْذِيبِ
وَاللَّهُ مِنْ وَرَائِهِمْ مُحِيطٌ ﴿١٨﴾ بَلْ هُوَ قُرْءَانٌ مَحِيدٌ ﴿١٩﴾ فِي لَوْحٍ مَحْفُوظٍ
﴿٢٠﴾

3.22 Al-Zalzalah: 1-8

إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا ﴿١﴾ وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ أَثْقَالَهَا ﴿٢﴾ وَقَالَ الْإِنْسَنُ مَا
هَا ﴿٣﴾ يَوْمَئِنِي تُحْدِثُ أَخْبَارَهَا ﴿٤﴾ بِأَنَّ رَبِّكَ أَوْحَى لَهَا ﴿٥﴾ يَوْمَئِنِي يَصْدِرُ
النَّاسُ أَشْتَانًا لَيْرَوْا أَعْمَالَهُمْ ﴿٦﴾ فَمَنْ يَعْمَلُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ
يَعْمَلُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾

3.23 Al-Nasr: 1-3

إِذَا جَاءَ نَصْرٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ وَالْفَتْحُ ۝ وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا ۝ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَأَسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَابًا ۝

3.24 Al-A'la: 1-19

سَبِّحْ أَسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى ۝ الَّذِي حَلَقَ فَسَوَى ۝ وَالَّذِي قَدَّرَ فَهَدَى ۝
وَالَّذِي أَخْرَجَ الْمُرْعَى ۝ فَجَعَلَهُ غُثَاءً أَحْوَى ۝ سَنُقْرُلَكَ فَلَا تَنْسَى ۝
إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ إِنَّهُ يَعْلَمُ الْجَهَرَ وَمَا يَخْفِي ۝ وَنُسْرُكَ لِلْيُسْرَى ۝ فَدَكَّرَ إِن
نَفَعَتِ الْذِكْرَى ۝ سَيَدَّكَرُ مَنْ سَخَشَى ۝ وَيَتَجَنَّبُهَا أَلْشَقَى ۝ الَّذِي يَضْلِي
النَّارَ الْكَبِيرَى ۝ ثُمَّ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَخْيَى ۝ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَرَكَى ۝ وَذَكَرَ
أَسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى ۝ بَلْ تُؤْثِرُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا ۝ وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ وَأَبْقَى ۝
إِنَّ هَذَا لِفِي الصُّحْفِ الْأَوَّلِ ۝ صُحْفِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى ۝

Analisis

- Ayat-ayat ini menceritakan tentang balasan yang diterima oleh golongan yang derhaka kepada Allah s.w.t. Dinyatakan juga tentang ciri-ciri balasan secara khusus yang bakal diterima oleh golongan derhaka, iaitu dengan menceritakan sifat-sifat buah zaqqum dan siksaan yang akan ditanggung oleh pemakannya. Bahkan, dalam Surah al-Ahqaf ayat 29-34 memaparkan kisah dakwah segolongan jin kepada kaum mereka dengan usul indhar, sambil mengingatkan tentang kekuasaan Allah yang meliputi langit dan bumi.
- Dijelaskan juga dalam ayat kategori ini tentang pertolongan Allah kepada golongan mukmin, sebagaimana contoh yang berlaku dalam perang Badar, di mana tentera mukmin berjaya mengalahkan tentera kafir yang tiga kali ganda jumlahnya. Penjelasan ini memberi kesan kepada golongan jin yang mendiami jasad manusia bahawa kecelakaan yang sama akan menimpa mereka sekiranya mereka berdegil untuk terus taat kepada perintah tukang sihir dengan menyakiti dan mengkhianati pesakit.

4. Ayat Pelindung

Surah/Ayat
4.1 Al-Nas قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْنَّاسِ ۖ مَلِكِ الْنَّاسِ ۖ إِلَهِ الْنَّاسِ ۖ مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ۖ الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ الْنَّاسِ ۖ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ۖ
4.2 Al-'Alaq قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ۖ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۖ وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ۖ وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ۖ وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ۖ
4.3 Al-A'raf:117-122 وَأَوْحَيْنَا إِلَى مُوسَى أَنَّ الْقِعْدَةَ كَفَى لَهُ تَلْقَفُ مَا يَأْفِيكُونَ ۝ فَوْقَ الْحَقِّ وَبَطَّلَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ۝ فَغَلِبُوا هُنَالِكَ وَأَنْقَلَبُوا صَغِيرِينَ ۝ وَأَلْقَى السَّحَرَةُ سَاحِدِينَ ۝ قَالُوا إِنَّا بِرَبِّ الْعَالَمِينَ ۝ رَبِّ مُوسَى وَهَرُونَ ۝
4.4 Yunus: 81-82 فَلَمَّا أَقْرَأْنَا الْقَوْنَ قَالَ مُوسَى مَا جِئْتُمْ بِهِ أَلْسِنَتُهُ إِنَّ اللَّهَ لَا يُصْلِحُ عَمَلَ الْمُفْسِدِينَ ۝ وَلَحِقَ الْهَمَّ الْحَقَّ بِكَلْمَتِهِ ۝ وَلَوْ كَرِهَ الْمُجْرِمُونَ ۝
4.5 Taha: 69 وَالْقِيمَةُ مَا فِي يَمِينِكَ تَلْقَفُ مَا صَنَعْتُمْ ۝ إِنَّمَا صَنَعُوا كَيْدُ سَاحِرٍ ۝ وَلَا يُفْلِحُ الْسَّاحِرُ حَيْثُ أُتَّقِ ۝
4.6 Yusuf: 64 قَالَ هَلْ إِنْتُمْ كُمْ عَلَيْهِ إِلَّا كَمَا أَمِنْتُكُمْ عَلَى أَخِيهِ مِنْ قَبْلُ ۝ فَالَّهُ خَيْرٌ حَافِظًا وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّحْمَنِينَ ۝
4.7 Al-Hijr: 9 إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ

4.8 Al-Ra`d: 11

لَهُ مُعَقِّبَتُ مُمْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ تَحْفَظُوهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِالْقَوْمِ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَ لَهُ وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٰ ﴿١﴾

4.9 Al-Infitar: 9-12

كَلَّا بَلْ تُكَذِّبُونَ بِالَّدِينِ ﴿٩﴾ وَإِنَّ عَلَيْكُمْ لَحْفِظِينَ ﴿١٠﴾ كَرَامًا كَتَبْيَنَ ﴿١١﴾ يَعْمَلُونَ مَا تَفْعَلُونَ ﴿١٢﴾

4.10 Al-Buruj: 17-22

هَلْ أَتَنَكَ حَدِيثُ الْجُنُودِ ﴿١٧﴾ فِرْعَوْنَ وَنَمُودَ ﴿١٨﴾ بَلِ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي تَكْذِيبٍ ﴿١٩﴾ وَاللَّهُ مِنْ وَرَائِهِمْ حُكْمٌ ﴿٢٠﴾ بَلْ هُوَ قُرَاءُ الْمُحْمَدٌ ﴿٢١﴾ فِي لَوْحٍ مَحْفُوظٍ

4.11 Al-Tariq: 4

إِنْ كُلُّ نَفْسٍ لَّا عَلَيْهَا حَافِظٌ ﴿٤﴾

Analisis

- ❑ Ayat-ayat ini merupakan ayat-ayat berbentuk penyerahan dan ‘ubudiyah seorang hamba kepada Allah dengan memohon perlindungan kepada-Nya dalam segala permasalahan yang dihadapi. Di samping itu, meyakini akan pemeliharaan Allah s.w.t terhadap setiap hamba-Nya.
- ❑ Diriwayatkan oleh Abu Nu`aim dari Abu Jaafar al-Razai al-Rabibin Anas dari Anas bin Malik dan dari ‘Aishah bahawa Labid bin al-‘Aam seorang yahudi menyihir Rasulullah s.a.w. Lalu turunlah Surah al-Mu’awwizatayn. Setiap kali Rasulullah membaca satu ayat, satu tali terputus, begitu seterusnya hingga seluruh tali terlepas. Jibril lalu meruqyah Baginda: Dengan menyebut nama Allah aku meruqyahkanmu dari segala yang segala yang menyakitimu, keburukan pandangan dan kejahatan. Semoga Allah menyembuhkanmu.

Ringkasnya, Allah s.w.t menyediakan di dalam al-Quran segala petunjuk bagi melawan tipu daya syaitan dan sebagai motivasi memberitahu bahawa tipu daya syaitan itu lemah dan tidak mampu untuk menguasai

manusia. Kelemahan syaitan ini bermakna orang-orang yang beriman tidak akan mengalami kesulitan apapun dalam hidupnya jika mereka benar-benar menyerahkan dirinya kepada Allah s.w.t. Meskipun sebahagian ayat yang dipaparkan tidak berkait secara langsung dengan rawatan penyakit, namun isi kandungannya boleh dimanfaatkan untuk menjadi penawar bagi rohaninya secara khusus. Dalam masa yang sama, boleh juga mengubati penyakit gangguan jin yang sukar dibuktikan dengan ilmu dan peralatan terkini dalam dunia perubatan. Ini kerana, makhluk jin juga akan terkesan dengan isi kandungan al-Quran sama ada yang berbentuk khabar gembira atau khabar menakutkan.

AYAT-AYAT RUQYAH SEBAGAI MEDIUM RAWATAN KERASUKAN JIN

Bagi mengenalpasti bagaimana ayat-ayat *ruqyah* boleh memberi kesan terhadap jin, penulis telah menemubual pengamal perubatan Islam yang berkecimpung dalam bidang ini selama lebih sepuluh tahun. Pengalaman pesakit yang terkena rasukan jin juga dimasukkan dalam analisis ini juga dimasukkan bagi memberi gambaran yang jelas berhubung perkara ini.

Menurut pengamal perubatan Islam al-Manarah, Dr. Jahid Sidek¹⁷ ayat al-Quran semata-mata tidak dapat memberikan apa-apa kesan kepada manusia, tetapi dia tertakluk kepada beberapa asas utama yang perlu diberi perhatian oleh perawat dan pesakit sekiranya ingin menjadikan ayat-ayat al-Quran sebagai medium rawatan, iaitu:

- i. Pergantungan hati yang kuat kepada Allah s.w.t. Perawat dan pesakit perlu meyakini bahawa bacaan ayat-ayat suci al-Quran itu hanya wasilah sahaja, sedangkan yang menyembuhkan (*musabbib al-asbab*) adalah Allah s.w.t. Ini dijelaskan dalam firmanNya Surah al-Ra`d: 31.

وَلَوْ أَنْ قُرْءَانًا سِيرَتْ بِهِ الْجِبَالُ أَوْ قُطِعَتْ بِهِ الْأَرْضُ أَوْ كُلِّمْ بِهِ الْمَوْتَىٰ
بَلِ اللَّهِ الْأَكْمَرُ جَمِيعًا أَفَلَمْ يَأْيُسْ الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنَّ لَوْ يَشَاءُ اللَّهُ لَهُدَى
النَّاسَ جَمِيعًا وَلَا يَزَالُ الَّذِينَ كَفَرُوا تُصْبِيْهُمْ بِمَا صَنَعُوا قَارِعَةً أَوْ تَحْلُّ
قَرِيبًا مِّنْ دَارِهِمْ حَتَّىٰ يَأْتِي وَعْدُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَتَخَلَّفُ أَلْيَعَادَ

¹⁷ Temubual pada 03 April 2011, di kediaman anak murid beliau, di Tok Jembal Kuala Terengganu.

Maksudnya:

Dan sekiranya ada suatu bacaan (Kitab suci) yang dengan bacaan itu gunung-gunung dapat digoncangkan atau bumi jadi terbelah atau oleh karenanya orang-orang yang sudah mati dapat berbicara, (tentulah Al Quran Itulah dia). Sebenarnya segala urusan itu adalah kepunyaan Allah. Maka Tidakkah orang-orang yang beriman itu mengetahui bahwa seandainya Allah menghendaki (semua manusia beriman), tentu Allah memberi petunjuk kepada manusia semuanya. dan orang-orang yang kafir senantiasa ditimpak bencana disebabkan perbuatan mereka sendiri atau bencana itu terjadi dekat tempat kediaman mereka, sehingga datanglah janji Allah. Sesungguhnya Allah tidak menyalahi janji.

Dalam ayat ini Allah s.wt menjelaskan bahawa Dialah yang menjadi sumber segala sesuatu urusan. Justeru, asas utama untuk berkecimpung dalam dunia rawatan menggunakan ayat-ayat al-Quran ini ialah ketaqwaan seseorang kepada Allah s.w.t. Syarat yang sama turut dikongsi oleh Pengamal Perawatan Rabbani, Dato' Dr. Abdullah Abu Bakar¹⁸. Beliau menegaskan bahawa keyakinan seseorang perawat malahan pesakit juga merupakan perkara penting yang turut membantu memudahkan proses rawatan. Di dalam karya beliau berhubung perkara ini ada dijelaskan bahawa perawat mestilah menguasai dua jenis ilmu, iaitu ilmu syariat dan ilmu khusus tentang rawatan.¹⁹ Ini bererti, tugas menjalankan rawawtan menggunakan ayat-ayat al-Quran ini bukanlah satu tugas yang remeh dan secara ikut-ikutan semata-mata, tetapi perlu melalui proses pengajaran dan pembelajaran serta amali yang mencukupi agar tidak lari dari tujuan asal amalan tersebut.

- ii. Asas syariat. Seseorang perawat mesti menjaga kebersihan zahir dan batin. Ketaqwaan kepada Allah sangat penting bagi diri perawat itu sendiri.²⁰ Seorang perawat perlu mengabdikan dirinya kepada Allah s.w.t dengan ikhlas, sama ada dalam ibadat fizikal, ibadah material, ibadah hati, mahupun ibadah perkataan.²¹

¹⁸ Temubual pada 01 April 2011, di kediaman beliau di Teluk Ketapang, Kuala Terengganu.

¹⁹ Abdullah Abu Bakar & Abas Muda, *Ilmu Rawatan Rabbani*, Pustaka Salam, Kuala Lumpur, 2006, h.74.

²⁰ Temubual Dr.Jahid Sidek, 01 April 2011.

²¹ Abdullah Abu Bakar & Abas Muda, *Ilmu Rawatan Rabbani*, h. 76.

- iii. Kesungguhan perawat dalam mengamalkan ayat-ayat *ruqyah*. Sebagai contoh orang yang jarang membaca ayat kursi untuk menghalau jin, sudah pasti tidak berkesan kerana tidak ada unsur *tikrar* (pengulangan) dan *mudawamah* (berterusan). Syarat yang mula-mula digunakan kepada Nabi Muhammad s.a.w dalam wahyu pertama diturunkan, iaitu ‘*Iqra*’ kerana pada perintah *Iqra*’ supaya Nabi Muhammad menyebut nama Allah itu mengandungi makna pengulangan dan *mudawamah*. Dengan kata lain, semasa proses rawatan adalah sesi amali bagi *mudawamahnya* dalam beribadah kepada Allah, khususnya dalam amalan zikir-zikir dan ayat-ayat al-Quran di luar waktu rawatan sehingga menjadi sebat dengan dirinya. Berhasil atau tidaknya bacaannya untuk menghalau jin semasa rawatan juga berkait rapat dengan amalan ini.

Berhubung perkara ini, kita dapat sejarah menukilkan kisah bagaimana Rasulullah s.a.w merawat seorang yang terkena kerasukan jin, hanya dengan memukul menggunakan serban, sambil memerintahkan jin tersebut keluar dengan memperkenalkan dirinya sebagai Rasulullah s.a.w. Demikian juga halnya dengan Imam Abu Hanifah yang boleh merawat dengan hanya mengirimkan terompahnya kepada orang yang kerasukan. Kisah Saidina Umar tidak kurang hebatnya, apabila dinukilkan bahawa syaitan tidak akan melalui jalan yang dilalui oleh Saidina Umar selama tiga hari. Kisah ini membuktikan bahawa golongan jin diberi kelebihan oleh Allah s.w.t dapat menyukat tahap keimanan seseorang kepada Allah s.w.t, dan hal ini diakui oleh kedua-dua pengamal perubatan ini.

Penulis berpandangan bahawa situasi ini terjadi adalah berkait rapat dengan tiga syarat yang disebutkan di atas, iaitu sifat ketaqwaan, asas syariat yang *mudawamah* dan *tikrar* dalam beramal. Bukanlah suatu yang menghairankan kerana di dalam al-Quran ada disebutkan tentang kehebatan mukmin, di mana cahaya(*nur*) keimanan dan ketaqwaannya akan melingkungi mereka (al-Hadid: 8, al-Tahrim: 12). Sementara itu, Rasulullah s.a.w sendiri juga dikurniakan Allah dengan kehebatan dan kewibawaan yang tiada tolok bandingnya, iaitu dicampakkan rasa gerun di hati musuh Islam kepada Rasulullah s.a.w. dalam jarak perjalanan dua bulan sebelum mereka berjumpa dengan Rasulullah secara berhadapan.

- iv. Sumber pengambilan ayat-ayat yang digunakan dalam merawat mestilah dari sumber yang betul dan berpengalaman. Ia berdasarkan ayat 5-6, Surah al-Fatihah. Jika ia diambil dari sumber yang tidak betul,dari golongan *al-maghdu*b dan *al-dalin* maka ayat tersebut akan menjadi sihir dan pesakit akan menerima ilmu hitam

dari padanya tanpa disedari. Individu yang didampingi jin, akan memberi kesan kepada keturunannya, sama ada sebagai saka atau juga mempengaruhi dari segi akhlak dan tingkah laku. Ada kes di mana seorang imam bergelar al-hafiz yang mengamalkan ayat al-Quran yang diterima dari sumber yang tidak betul, menyebabkan anaknya terjebak dalam keruntuhan akhlak.²² Jelasnya, sesuatu yang masih diragui tidak boleh diamalkan kerana ia membuka ruang kepada syaitan untuk membisikkan keraguan dan sangkaan yang menyeleweng.²³

Dalam konteks ayat-ayat yang dibaca semasa proses rawatan, Dato' Dr.Abdullah mengatakan tidak ada satu ayat *ruqyah* yang boleh dikhususkan untuk satu-satu rawatan, kerana ia tertakluk kepada jenis jin yang mendiami jasad pesakit. Dr.Jahid pula mengatakan, seorang perawat perlulah kreatif dalam menangani jin yang sedang dihadapinya. Dalam amalan perubatan Islam Manarah, ayat asas ialah zikir *La Ilaha Illa Allah*, surah al-Fatihah, doa qunut dan tahiyyat. Ini kerana, zikir, ayat dan doa ini mempunyai kelebihannya yang tersendiri kerana ia dipilih oleh Allah s.w.t untuk dijadikan bacaan wajib dalam solat.²⁴ Amalan ini juga dilihat sama dengan apa yang disebut dalam karya Dato' Dr. Abdullah, iaitu salah satu dari senjata mukmin untuk melawan syaitan ialah memperbanyak taubat dan istighfar. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Rasulullah s.a.w. telah menceritakan kepada kami bahawa syaitan berkata kepada Allah : “*Demi kebesaran Engkau wahai Tuhan! Aku akan terus memeperdayakan hamba Engkau selagi nyawa mereka berada di dalam jasad mereka. Allah berfirman: Demi kebesaran dan keagungan-Ku, aku sentiasa member keampunan kepada mereka selama mana mereka beristighfar kepada-Ku*”.²⁵

Selain itu, bahan-bahan tambahan juga digunakan dalam proses rawatan sebagaimana yang disebutkan dalam kaedah rawatan Rasulullah, iaitu limau nipis, cuka, garam dan air. Gabungan di antara bahan-bahan ini akan membinasakan jasad jin. Terdapat juga kes di mana jin tidak terkesan dengan bacaan al-Quran sebaliknya mengaku kalah apabila perawat mengatakan pesakit tersebut akan diikat pada pokok pada waktu hujan, kerana jin yang mendiami jasadnya takutkan petir. Ada juga kes, jin mengaku kalah apabila

²² Temubual Dr.Jahid, 01 April 2011.

²³ Abdullah Abu Bakar dan Abas Muda, Ilmu Rawatan Rabbani, h. 55.

²⁴ Temubual Dr.Jahid 01 April 2011

²⁵ Ahmad ibn Hanbal, *Musnad Ahmad*, Musnad Abi Sa‘id al-Khudri, tahqiq : Syu‘aib al-Arnaout, Juz.18, no.hadith: 11729, Muaassah al-Risalah , Beirut, cet.2,1999, h.253

diugut untuk disimbah dengan asid.

Sementara itu, Dato' Dr. Abdullah yang berkecimpung dalam dunia rawatan menggunakan ayat-ayat al-Quran bagi menghalau jin sejak 1996, memberitahu bahawa ayat-ayat *ruqyah* yang dibaca semasa proses rawatan, meskipun ada di antaranya yang menceritaka tentang kekalahan Fir'aun dan tukang sihirnya dalam berhadapan dengan Nabi Musa, tetapi ia juga boleh digunakan untuk menakutkan jin-jin yang mendiami jasad manusia. Ini kerana, al-Quran itu diturunkan sebagai rahmat buat sekalian alam, maka sudah pasti ia akan dapat memberi kesan dan menjadi penawar dalam apa jua masalah yang dihadapi sama ada kerana faktor fizikal maupun spiritual.

Berbeza dengan Dr. Jahid yang melihat bahawa pengislaman jin dalam proses rawatan sebagai suatu hal yang sukar untuk dipercayai, Dato' Dr. Abdullah menganggap bahawa rawatan ini merupakan salah satu medium dakwah kepada golongan jin, syaitan dan iblis. Golongan ini akan merasa kesakitan yang amat sangat apabila dibacakan ayat-ayat *ruqyah*, tambahan pula perawat mengenakan ketukan sederhana pada bahagian-bahagian tertentu jasad pesakit, biasanya di tempat-tempat yang terasa sakit sepihiknya yang diberitahu oleh pesakit. Ketukan ini memberi tekanan kepada jin dan menambahkan lagi kesakitannya. Jadi, dalam kesempatan inilah boleh digunakan untuk mengajak mereka memeluk Islam dan meninggalkan perbuatan khianat yang terkutuk. Selain itu, selepas proses pengislaman dengan perawat mengajarkan jin yang berada dalam jasad pesakit supaya mengucap dua kalimah syahadah, jin tersebut diminta berjanji supaya tidak mengulangi perbuatan kejinya dengan amaran bahawa jin tersebut akan mendapat laksat dari Allah, para malaikat dan kaum mukmin. Selepas itu, jin tersebut diminta keluar dari jasad pesakit dengan ucapan “Assalamualaikum”.

Mungkin pengalaman pesakit kerasukan jin²⁶ boleh dijadikan sandaran dalam membuktikan hal ini. Menurut beliau, semasa proses rawatan dan ayat-ayat *ruqyah* dibacakan, pelbagai perasaan yang dialami olehnya seperti bosan, takut, gementar. Agak sukar untuk beliau menjelaskan sebab beliau mengalami perasaan sedemikian, tetapi ada ketikanya semasa mendengar bacaan ayat-ayat *ruqyah* tersebut kepalaanya mengangguk-angguk seolah-

²⁶ Pesakit ini mengalami gangguan sejak zaman kanak-kanak, disihir oleh dua individu berlainan. Kelompok jin yang dihantar oleh individu pertama berjaya dikeluarkan pada tahun 2007. Menurut beliau jin-jin tersebut adalah dari minyak dagu dan bomoh orang asli yang menghantar jin yang tiada agama(animisme) dan jin yang memperkenalkan dirinya sebagai raja rimba. Manakala kelompok jin yang dihantar oleh individu yang kedua terdiri dari jin-jin silat yang memperkenalkan dirinya sebagai ‘panglima bentan’, ‘panglima hitam’, ‘pendekar selempang kuning’ dan juga jin-jin kristian yang tidak bernama dan jin wanita yang memperkenalkan dirinya sebagai ‘puteri.’ Pesakit ini masih dalam usaha untuk membebaskan dirinya dari gangguan sihir ini.

olah faham dan akur dengan penjelasan yang disebutkan oleh Allah dalam ayat-ayat tersebut. Malah, apabila diberi amaran lakan Allah, para malaikat dan kaum mukmin akan menimpa dalam perjanjian sebelum meninggalkan jasad pesakit, timbul rasa gerun akan lakan tersebut. Selanjutnya, pesakit tersebut menceritakan lagi, ada satu ketika sesi rawatan dilakukan bagi mengeluarkan jin yang dihantar oleh seorang bomoh asli, yang tidak tahu langsung tentang Islam. Apabila mendengar bacaan al-Quran yang dibacakan melalui kaset yang dipasang oleh perawat, jin tersebut seolah-olah kehairanan dan mengatakan melalui lidah pesakit: “Sedapnya lagu ni”, lalu perawat mengambil peluang berdakwah kepada jin ini dengan mengatakan itu bukan lagu sebaliknya bacaan ayat-ayat suci al-Quran, dan jin tersebut dengan mudah menerima Islam dan mengucap dua kalimah syahadah, juga menyatakan hasratnya untuk belajar tentang Islam dengan lebih mendalam.

Apa yang menarik dan sukar diduga ialah semua maklumat yang diberitahu oleh jin yang mendiami jasad pesakit ini melalui lidah pesakit tersebut semasa proses rawatan adalah betul. Selain itu, pesakit ini mengatakan jin-jin tersebut keluar dari jasadnya adalah mengikut cara sebagaimana mereka dimasukkan. Sebagai contoh, jin ‘panglima hitam’ keluar dari mata pesakit dengan membaca ‘bismillah’ berulang kali sambil mengisyaratkan menarik sesuatu dari matanya. Hal ini berlaku selepas perawat membacakan ayat *ruqyah* dan jin tersebut bersetuju untuk keluar selepas mengucap dua kalimah syahadah. Suatu yang menakjubkan apabila dalam sesi rawatan seterusnya jin-jin yang telah keluar tidak ‘muncul’ lagi untuk berkomunikasi dengan perawat. Cuma, menurut pesakit ini berlaku satu kes dalam sesi rawatan terkini yang dilakukan untuk mengeluarkan saki-baki jin yang mendiami jasadnya, jin yang pernah dikeluarkan dalam sesi rawatan sebelum ini, iaitu jin ‘puteri’ muncul semula, tetapi jin tersebut seolah-olah menyerahkan tugas berada di dalam jasad pesakit kepada jin-jin lain yang lebih lemah darinya. Rahsia ini diketahui apabila jin yang diupah tersebut bercakap menceritakan hal sebenar melalui lidah pesakit.

Penulis berpendapat perkara ini tidak mustahil berlaku, kerana sebagaimana dalam kelompok manusia terdapat golongan yang munafik dan fasik, demikian pula dalam kelompok jin kemungkinan berlakunya perkara sebegini adalah lebih besar, apatah lagi jin tersebut menerima Islam secara paksa dan apabila jin tersebut kembali kepada individu tukang sihir sudah pasti akan dikenakan hukuman akibat keingkarannya itu. Oleh itu, jin tersebut mengambil inisiatif memperalatkan jin-jin yang lebih lemah untuk melaksanakan tugas tukang sihir bagi pihaknya, agar tidak lagi mengalami kesakitan apabila pesakit menemui perawat untuk sesi rawatan selanjutnya.

Menurut Dato' Dr. Abdullah lagi, golongan jin lebih mudah diseru kepada Islam berbanding syaitan dan iblis. Identiti mereka boleh dikenalpasti semasa sesi rawatan apabila perawat bertanya kepada mereka akan asal usul dan tujuan mereka mengganggu pesakit tersebut. Sepertimana kelompok manusia yang mempunyai kasta-kasta dalam masyarakat, golongan jin juga sedemikian. Bahkan, golongan dari kasta yang lebih tinggi seperti iblis dan syaitan tidak akan mengakui bahawa mereka dari golongan jin. Manakala golongan jin pula tidak akan mendakwa mereka dari kelompok syaitan atau iblis. Oleh itu, proses rawatan menjadi lebih mudah kerana perawat boleh memilih ayat-ayat ruqyah yang bersesuaian untuk dibacakan kepada pesakit. Malah, ada ketikanya perawat hanya mengulang-ulang bacaan “*iyyaka na ‘budu wa iyyaka nasta ‘in*”, atau melaungkan azan berulang kali sehingga jin yang mendiami jasad pesakit lemah dan akur untuk keluar. Tambah Dato' Dr. Abdullah lagi, perawat berhadapan dengan makhluk yang engkar kepada Allah, maka perlu membacakan ayat-ayat yang boleh mengingatkan golongan jin akan pemilik alam ini, dan balasan yang akan diterima bagi golongan yang engkar.²⁷

Berhubung isu memenjarakan jin di dalam botol sepertimana yang dilakukan oleh sesetengah bomoh atau pawang, malah terdapat juga perawat yang mendakwa sebagai rawatan menggunakan al-Quran melakukan kaedah ini, Dr. Jahid dan Dr. Abdullah sependapat iaitu jin tidak boleh dipenjarakan berasaskan unsur penciptaannya dari api, lebih-lebih lagi mereka tidak dapat dilihat dengan mata kasar manusia. Oleh itu, mereka boleh keluar dan masuk dengan mudah ke satu-satu ruang. Ini sebagaimana yang disebut dalam riwayat syaitan yang mencuri tamar dalam kisah Muaz bin Jabal yang dinyatakan sebelum ini. Walau bagaimanapun, menurut Dr. Abdullah, hanya boleh buat lingkaran dengan membacakan ayat kursi bagi mengelakkan jin keluar dari jasad pesakit agar proses rawatan lebih mudah dan sesi dialog dengan jin tersebut boleh dilakukan.

KESIMPULAN

Rumusannya, dalam rawatan kerasukan jin perlu menggabungjalinkan di antara ayat al-Quran, peribadi perawat dan keimanannya, serta kudrat dan iradat Allah. Perlu diketahui dan diyakini bahawa qadha' dan qadar Allah itu mengatasi segalanya, kerana segala yang ada di langit dan di bumi adalah milik-Nya. Syarat paling utama yang perlu diingat ialah penyerahan diri yang tidak berbelah bahagi kepadanya oleh pesakit dan perawat, sedangkan ayat-ayat al-Quran itu hanya merupakan medium, yang terkandung di dalamnya sebab, ikhtiar manusia untuk merawat itu sebagai *musabbab* dan

²⁷ Temubual Dato' Dr. Abdullah Abu Bakar, 03 April 2011.

sebab musabbab ini masih tertakluk kepada *musabbibul asbab*. Lantaran itulah apabila ada segolongan manusia yang menyalahgunakan ayat al-Quran untuk tujuan jahat, maka dia akan mengundang kecelakaan, umpama seorang pesakit yang dinasihatkan oleh seorang pegawai perubatan supaya mengambil pil mengikut dos yang ditetapkan, tetapi jika diambil tidak mengikut kaedah yang ditetapkan maka akan mendatangkan kemudaratannya.

Jika demikian halnya, timbul persoalan apakah ayat al-Quran iatu semata-mata tidak termasuk *i'jaz* dalam aspek rawatan ini? Dari penjelasan yang dinyatakan dalam proses rawatan khusunya berkaitan pengalaman pesakit kerasukan jin, penulis menyimpulkan bahawa sebenarnya kemukjizatan al-Quran dalam proses rawatan ini ialah apabila jin-jin akan dapat merasa keajaiban dan keindahan ayat suci al-Quran yang dibaca semasa proses rawatan, juga dapat merasai kepanasan dan kesakitan dalam proses yang sama. Hal ini adalah kerana gaya bahasa, cerita dan makna-makna yang dijelaskan oleh Allah di dalam kitab suciNya itu. Justeru, boleh dikatakan bahawa dalam konteks rawatan kerasukan jin, kemukjizatan al-Quran boleh diserahkan dari aspek bahasa dan kisah-kisah yang terkandung dalam al-Quran (*al-I'jaz al-Bayani*)²⁸.

²⁸ *Al-I'jaz al-bayani* ialah keserasian lafaz-lafaz dengan maknanya dari segi *dalalah*, *mawqif* dan *siyaq* tertentu hingga tiada sesiapa pun yang mampu menandingi keserasian susunannya ini. (rujuk Radwan Jamal al-Atrasy, *Risalah fi al-I'jaz al-Qurani*, IIUM, Kuala Lumpur, 2007, h.105)

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdullah Abu Bakar & Abas Muda, *Ilmu Rawatan Rabbani*, Pustaka Salam: Kuala Lumpur, 2006.

Ahmad Tirmizi Taha, “*Rawatan Menggunakan al-Quran*”, kertas kerja Seminar Sehari Perubatan Islam, 07 Ogos 2009, Universiti Darul Iman Malaysia, Kuala Terengganu.

Fadl Hassan ‘Abbas dan Sana’ Fadl ‘Abbas, *Ijaz al-Quran al-Karim*, Dar al-Furqan, Jordan, 2006.

Ibrahim ‘Ali al-Sayyid ‘Ali ‘Isa, *al-Ahadih wa al-Athar al-Waridah fi Fadail Suwar al-Quran al-Karim: Dirasah wa Naqd*, Dar al-Salam, Kaherah.

Ibn.Kathir, Isma‘il *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Ahmad Abu Mulhim et.al(tahqiq) Jil.2, j3, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, (1989).

Radwan Jamal al-Atrasy, *Risalah fi al-Ijaz al-Qurani*, IIUM, Kuala Lumpur, 2007.

Wahbah al-Zuhayli, *al-Tafsir al-Munir fi al-‘Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*, juz. 15, Beirut: Dar al-Fikr, 1996.

Maktabah Syamilah , Edisi.3.

Miracle The References, Sygma Publishing, Bandung Indonesia, 2010.

Temubual

- Dato’ Dr. Abdullah Abu Bakar, Pengamal Perawatan Rabbani, di kediaman beliau di Teluk Ketapang, Kuala Terengganu, pada 01 April 2011.
- Dr. Jahid Sidek, pengamal Perubatan Islam Manarah, di kediaman anak murid beliau di Tok Jembal, Kuala Terengganu pada 03 April 2011.
- Pesakit kerasukan jin(identiti dirahsiakan).

Internet/Laman Web

- www.rawatanislam.com
- www.darussyifa.org.
- www.primanara.blogspot.com.
- www.zamdurranidumei.com.
- www.darussalam.net.my.
- www.darulruqiyyah.blogspot.com.
- www.darulmanzil.blogspot.com.

- www.taq.com.my.
- www.ceramahislam.com/perubatanislam.html
- syahrilkadir.wordpress.com/2008/08/22/alamat-expose-mistik